



# Institut Pertanian Sarawak

**IPS** ditubuhkan pada tahun 1983, Institut Pertanian Sarawak adalah sebuah Institusi Latihan Jabatan Pertanian Sarawak yang kompeten dan berpengalaman luas dalam bidang latihan, khususnya dalam pengeluaran modal insan untuk sektor pertanian.

Institut ini ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah yang menawarkan Kursus Sijil Pertanian serta Sijil Kemahiran Malaysia yang menjalankan latihan teknikal dan berkualiti dalam pelbagai aspek pertanian, meliputi bidang pengurusan dan teknologi pengeluaran tanaman, memproses hasil pertanian, ternakan, perladangan, mekanisasi ladang dan landskap.

## VISI INSTITUT PERTANIAN SARAWAK

- Peneraju Latihan Kemahiran Pertanian Yang Terunggul di Sarawak.

## MISI INSTITUT PERTANIAN SARAWAK

- Membangunkan Modal Insan Pertanian Yang Kompeten Melalui Pembelajaran dan Pengajaran Yang Berkesan

## MATLAMAT PROGRAM

Graduan Sijil Pertanian akan mempunyai ilmu pengetahuan teori, kemahiran pertanian, kemahiran insaniah dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan agar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan kemajuan dan cabaran teknologi dalam bidang pertanian.

## PROGRAM YANG DITAWARKAN

Sijil Pertanian Malaysia yang telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

## JANGKAMASA PROGRAM

Program ini mengambil masa selama dua tahun (lima semester). Setiap sesi tahun pengajian mengandungi dua semester dan setiap semester terdiri daripada 16 minggu pengajian dan dijalankan secara sepenuh masa manakala Semester Lima dikhaskan untuk Latihan Industri selama 8 minggu. Program Sijil Pertanian merangkumi 64 jam kredit untuk layak dianugerahkan sijil.

## STRUKTUR PENGAJIAN

Untuk mencapai matlamat Institut Pertanian, sukatan pelajaran disediakan mengikut kumpulan kursus berikut :

- Kursus wajib meliputi kursus umum, teras dan pengkhususan.
- Pelajar hanya dibenarkan memilih satu daripada 6 kursus pengkhususan yang ditawarkan.

Semua pelajar wajib mengikuti Latihan Industri (LI) selama lapan (8) minggu pada akhir Semester V. Latihan ini diadakan samada di sektor swasta, kerajaan atau orang perseorangan.

## STRUKTUR PROGRAM SIJIL PERTANIAN MALAYSIA

### TAHUN SATU

SEMESTER I	SEMESTER II
SKP 111 Pendidikan Islam I	SKP 211 Pendidikan Islam II
SKP 112 Asas Pendidikan Moral	SKP 212 Pendidikan Moral
TKP 113 Aplikasi Komputer	PPT 213 Keusahawanan
TKP 121 Kejuruteraan Pertanian	TKP 221 Mekanik Pertanian
AGR 122 Pengurusan Tanaman Sayuran & Kontan	AGR 222 Pengurusan Tanaman
AGR 123 Tanaman Industri	HRT 223 Hortikultur Hiasan
SST 124 Pengurusan Tanah	SHW 224 Asas Pengurusan Ternakan
PLP 125 Perlindungan Tanaman	FSM 225 Asas Pemprosesan Makanan

### TAHUN DUA

SEMESTER III	SEMESTER IV
BBI 311 Communicative English I	BBI 411 Communicative English II
SKP 312 Tamadun Islam	SKP 412 Pengurusan Am
TKP 321 Pengembangan Pertanian	AGR 421 Padi & Pertanian Berpotensi Tinggi
PPT 322 Perniagaan Tani	<b>Pengkhususan (Elektif)</b>
<b>Pengkhususan (Elektif)</b>	• HRT 431 Landskap II
• HRT 331 Landskap I	• AGR 432 Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan II (Sayuran)
• AGR 332 Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan I (Buah-buahan)	• FSM 433 Teknologi Memproses Hasil Pertanian II
• FSM 333 Teknologi Memproses Hasil Pertanian I	• AGR 435 Pengurusan Estet II
• AGR 335 Pengurusan Estet I	• SHW 436 Pengurusan Ternakan II
• SHW 336 Pengurusan Ternakan	

## KOS PENGAJIAN

Kos pengajian hendaklah dibiayai sendiri oleh calon namun tempat penginapan dan makanan disediakan sepanjang program dijalankan.

## PROSPEK KERJAYA

Graduan Institut Pertanian boleh memilih untuk bekerja, samada di sektor awam atau swasta atau menjadi usahawan pertanian. Golongan ini juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta.

## PERMOHONAN DAN PENGAMBILAN

Pengambilan dibuat berdasarkan syarat-syarat kelayakan berikut :

- Warganegara Malaysia berumur di antara 18 hingga 25 tahun pada masa program bermula.
- Berkelulusan SPM atau yang setaraf dengannya dan mempunyai kelayakan yang diperolehi dalam peperiksaan seperti berikut :
  - Lulus dalam matapelajaran Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan
  - Lulus dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dan
  - Lulus dalam matapelajaran Matematik dan
  - Kepujian dalam salah satu mata pelajaran berikut :

Sains Pertanian, Sains, Biologi, Kimia, Fizik, Sains Tambahan, Geografi, Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Matematik Tambahan, Prinsip Perniagaan, Asas Perakaunan, Pengeluaran Tanaman, Pengeluaran Ternakan, Hortikultur Hiasan dan Lanskap, Landskap dan Nurseri, Tanaman Makanan, Kejenteraan Ladang, Pengurusan Ladang, Ekonomi Rumah tangga, Perniagaan dan Keusahawanan, Teknologi Maklumat, Teknologi Katering, Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan, Pengurusan Makanan, Katering dan Penyajian, Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri, Membuat Roti dan Pasteri, Pengajian Agroteknologi, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Bengkel Mesin, Kerja Menggegas dan Memesin, Teknologi Binaan Bangunan, Kerja Kayu dan Bata, Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam, Kerja Kimpalan, Teknologi Automotif dan Menservis dan Membaiki Kenderaan.

iii) Berjaya dalam temuduga

iv) *Belum berkahwin*

v) *Keutamaan kepada calon yang berpengalaman dalam bidang pertanian*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

**PENGETUA,**  
Institut Pertanian Sarawak,  
KM 20 Jln. Kuching/ Serian, Semongok,  
93250 Kuching.  
Tel : 082-611341/611342/611343  
Fax : 082-611662  
atau layari :  
[www.doa.sarawak.gov.my](http://www.doa.sarawak.gov.my)

